




Tony (empat dari kiri), Goh (kiri) dan Saifuddin (lima dari kiri) bersama tetamu yang hadir pada majlis pelancaran restoran Santan dan T&CO yang dilancarkan di Kuala Lumpur.



Antara makanan dan minuman yang terdapat di restoran Santan dan T&CO.



Pelanggan boleh memesan makanan dan minuman pada menu pintar yang disediakan di restoran itu.

Santan dan T&Co bakal jadi francias

*AirAsia lancar
restoran makanan
segera pertama di
Asean*

HARI : RABU
TARIKH : 4/12/2019
M/SURAT : 36

NORSHAHZURA MAT ZUKI

Syarikat penerbangan tambang rendah, AirAsia Berhad (AirAsia) menasarkan untuk meluaskan rangkaian restoran Santan dan T&CO ke pasaran global bermula dengan pasaran di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, AirAsia juga akan mengembangkan lebih lima cawangan restoran Santan dan T&CO menjelang akhir 2020.

100 restoran dan kafe serta dikendalikan secara francais ke pasaran global dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.



Sufuddin (kiri) melihat pek makanan sambil diterangkan oleh Tony dan Goh.

Menurutnya, pengembangan operasi jenama menu dalam perniagaan AirAsia itu akan memasuki pasaran global antara Asean, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia serta China.

"Makanan merupakan elemen penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. AirAsia menjadi syarikat penerbangan pertama menjual makanan sendiri.

"AirAsia bekerjasama dengan pelbagai peserta untuk membuka restoran pertama Santan dan T&CO kerana masih baharu terlibat dalam perniagaan rantaian makanan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pelancaran restoran Santan dan T&CO di Kuala Lumpur.

Majlis pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Turut hadir Pengurus Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Kamarudin Meranun, Presiden Kumpulan AirAsia (RedBeat Ventures), Aireen Omar dan Pengurus Besar Restoran Santan dan Kafe T&CO, Catherine Goh.

Tony berkata, Santan T&CO melancarkan restoran makanan segera Asean pertama di Kuala Lumpur yang menawarkan pelbagai hidangan dan minuman dari Asean pada harga berpatutan.

"Kami mahu menjadikan menu makanan ini dijual pada harga yang berpatutan dengan bekerjasama secara langsung dengan pembekal bagi mendapatkan kos yang lebih murah," katanya.

Tony berkata, RedBeat Ventures (perniagaan digital bukan penerbangan) kini sedang melalui fasa pengembangan dan pihaknya perlu agresif untuk menerokai seluruh dunia seperti di London dan New York.

"Kami menerima banyak pertanyaan mengenai francais, justeru kami merancang untuk membuka francais Santan dan T&CO di China, tidak lama lagi.

"Untuk mengukuhkan kedudukan kami dalam bidang makanan dan minuman, kami juga mempertimbangkan untuk menawarkan perkhidmatan penghantaran bagi menu yang ditawarkan di Santan dan T&CO menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan popular di negara ini," katanya.

Permintaan tinggi

Sementara itu, Goh berkata, pembukaan restoran pertama itu adalah permulaan hebat bagi jenama Santan dan T&CO yang menerima permintaan tinggi bagi menu dalam penerbangan AirAsia di rantau ini.

"Kami melihat permintaan yang tinggi untuk menu dalam penerbangan kami di seluruh rantau ini dan ia adalah jawapan kami terhadap permintaan tersebut.

"Kami berbangga kerana dapat mengembangkan apa yang bermula sebagai menu dalam penerbangan untuk meneroka pasaran baharu dan terus menyokong pengeluar serta pembekal tempatan termasuk juga rantau Asean.

"Selain itu ia juga mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu dengan yuran francais yang berpatutan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, restoran itu direka untuk meningkatkan pengalaman para pelanggan melalui ciri-ciri digital, restoran dan kafe ini memaparkan menu pintar yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin untuk mencadangkan hidangan popular berdasarkan masa, corak pesanan lalu dan demografi.

"Pelanggan juga boleh membuat pesanan secara terus dari laman web restoran ini dan aplikasi mudah alih T&CO," katanya.

Bermula dengan harga RM12

Goh berkata, Santan dan T&CO menawarkan hidangan popular Asean bermula dari harga RM12 dan pelanggan boleh menikmati Nasi Lemak Pak Nasser dan Nasi Ayam Uncle Chin.

"Pelanggan juga boleh menikmati pelbagai hidangan popular lain yang diilhamkan oleh negara-negara Asean seperti mi ikan bersama nenas dari Kemboja, ayam inasal berserta nasi bawang dari Filipina.

"Selain teh dan kopi dari rantau Asean, snek dan pencuci mulut tempatan seperti nasi lemak quinoa dan kek onde-onde," katanya.

Bagi meraka pembukaan restoran tersebut, Santan menawarkan promosi masa terhad atas talian untuk menikmati Nasi Lemak Pak Nasser dengan Rendang Ayam pada hanya RM5.

Untuk membuat pesanan, sila lawati laman web santan dan Bagi T&CO, nikmati kopi percuma dengan setiap muat turun aplikasi mudah alih T&CO di Apple Store dan Google Play.

SANTAN DAN T&CO BAKAL JADI FRANCAIS



Tony (empat dari kiri), Goh (kiri) dan Saifuddin (lima dari kiri) bersama tetamu yang hadir pada majlis pelancaran restoran Santan dan T&CO yang dilancarkan di Kuala Lumpur.

NORSHAHZURA MAT ZUKI , 4 DECEMBER 2019

Syarikat penerbangan tambang rendah, AirAsia Berhad (AirAsia) menyasarkan untuk meluaskan rangkaian restoran Santan dan T&CO ke pasaran global bermula dengan pasaran di Malaysia.


Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, AirAsia juga akan mengembangkan lebih lima cawangan restoran Santan dan T&CO menjelang akhir 2020 dan 100 restoran dan kafe serta dikendalikan secara francais ke pasaran global dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Menurutnya, pengembangan operasi jenama menu dalam penerbangan AirAsia itu akan memasuki pasaran global antaranya Asean, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia serta China.

"Makanan merupakan elemen penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. AirAsia menjadi syarikat penerbangan pertama menjual makanan sendiri."

“AirAsia bekerjasama dengan pelbagai peserta untuk membuka restoran pertama Santan dan T&CO kerana masih baharu terlibat dalam perniagaan rantaian makanan segera,” katanya.

“



Saifuddin (kiri) melihat pek makanan sambil diterangkan oleh Tony dan Goh.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pelancaran restoran Santan dan T&CO di Kuala Lumpur. Majlis pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Kamarudin Meranun, Presiden Kumpulan AirAsia (RedBeat Ventures), Aireen Omar dan Pengurus Besar Restoran Santan dan Kafe T&CO, Catherine Goh. Tony berkata, Santan dan T&CO melancarkan restoran makanan segera ASEAN pertama di Kuala Lumpur yang menawarkan pelbagai hidangan dan minuman dari ASEAN pada harga berpatutan.

"Kami mahu menjadikan menu makanan ini dijual pada harga yang berpatutan dengan bekerjasama secara langsung dengan pembekal bagi mendapatkan kos yang lebih murah," katanya.

Tony berkata, RedBeat Ventures (perniagaan digital bukan penerbangan) kini sedang melalui fasa pengembangan dan pihaknya perlu agresif untuk menerokai seluruh dunia seperti di London dan New York.

"Kami menerima banyak pertanyaan mengenai francais, justeru kami merancang untuk membuka francais Santan dan T&CO di China, tidak lama lagi.

"Untuk mengukuhkan kedudukan kami dalam bidang makanan dan minuman, kami juga mempertimbangkan untuk menawarkan perkhidmatan penghantaran bagi menu yang ditawarkan di Santan dan T&CO menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan popular di negara ini," katanya.

Permintaan tinggi

Sementara itu, Goh berkata, pembukaan restoran pertama itu adalah permulaan hebat bagi jenama Santan dan T&CO yang menerima permintaan tinggi bagi menu dalam penerbangan AirAsia di rantau ini.

"Kami melihat permintaan yang tinggi untuk menu dalam penerbangan kami di seluruh rantau ini dan ia adalah jawapan kami terhadap permintaan tersebut.

"Kami berbangga kerana dapat mengembangkan apa yang bermula sebagai menu dalam penerbangan untuk meneroka pasaran baharu dan terus menyokong pengeluar serta pembekal tempatan termasuk juga

rantau Asean. Selain itu ia juga mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu dengan yuran francais yang berpatutan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, restoran itu direka untuk meningkatkan pengalaman para pelanggan melalui ciri-ciri digital, restoran dan kafe ini memaparkan menu pintar yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin untuk mencadangkan hidangan popular berdasarkan masa, corak pesanan lalu dan demografi.

"Pelanggan juga boleh membuat pesanan secara terus dari laman web restoran ini dan aplikasi mudah alih T&CO," katanya.

Bermula dengan harga RM12

Goh berkata, Santan dan T & CO menawarkan hidangan popular Asean bermula dari harga RM12 dan pelanggan boleh menikmati Nasi Lemak Pak Nasser dan Nasi Ayam Uncle Chin.

"Pelanggan juga boleh menikmati pelbagai hidangan popular lain yang diilhamkan oleh negara-negara Asean seperti mi ikan bersama nenas dari Kemboja, ayam inasal berserta nasi bawang dari Filipina.

"Selain teh dan kopi dari rantau Asean, snek dan pencuci mulut tempatan seperti nasi lemak quinoa dan kek onde-onde," katanya.



Antara makanan dan minuman yang terdapat di restoran Santan dan T&CO.

Bagi meraikan pembukaan restoran tersebut, Santan menawarkan promosi masa terhad atas talian untuk menikmati Nasi Lemak Pak Nasser dengan Rendang Ayam pada hanya RM5.

Untuk membuat pesanan, sila lawati laman web santan dan Bagi T&CO, nikmati kopi percuma dengan setiap muat turun aplikasi mudah alih T&CO di Apple Store dan Google Play.